AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

# 3,306 kes baharu, 81 kluster penyumbang

**PUTRAJAYA** – Negara kekal melaporkan kes harian melebihi 3,000 dengan 3,306 kes semalam, yang antara lain disumbangkan oleh 81 kluster termasuk sembilan daripadanya kluster baharu.

Angka baharu semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia mencecah 161,740 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan sebanyak 38,791 kes.

Selangor masih melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 1,213 kes dengan 912 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sembilan kluster baharu membabitkan Kluster Taman Tasik Sungai Chua di Hulu Langat, Selangor iaitu kluster tempat kerja dengan 60 kes positif hasil saringan bersasar di sebuah pasar raya.



**SEORANG bapa membantu anaknya menjalankan ujian saringan Covid-19 di Klinik Selcare, Seksyen 13 Shah Alam, Selangor.** – ZULFADHLI ZAKI

"Kluster Kompleks Segamaha iaitu kluster tempat kerja melibatkan pekerja ladang kelapa sawit di Kinabatangan, Sabah dengan 58 kes saringan di tempat kerja.

"Seterusnya, Kluster Jalan Bukit Bendera di Kota Kinabalu, Papar dan Beaufort melibatkan institusi awam di Jalan Bukit Bendera, Kota Kinabalu dengan kes indeks bergejala," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Suria pula melibatkan pusat perubatan swasta di Jalan Suria, Johor Bahru, Johor dengan kes indeks bergejala.

"Kluster Tapak Bina Jalan Nipah di Titiwangsa, Kuala Lumpur melibatkan 29 kes hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Nipah, Titiwangsa manakala, Kluster Tapak Bina Era Duta di Kepong dengan 20 kes saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Dutamas, Kepong," ujarnya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, Kluster Pulau Lima di Pasir Puteh, Kelantan dengan kes indeks bergejala dan sembilan kes dikesan dalam kluster ini.

"Kluster Jalan TJ pula di Seremban, Negeri Sembilan iaitu kluster tempat kerja dengan kes indeks seorang pekerja kilang bergejala dan 39 kes positif dikesan manakala, nama kluster merujuk lokaliti kilang di Jalan TJ, Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar.

"Selain itu, Kluster Kafe Genting yang juga kluster tempat kerja melibatkan sebuah kafe pusat rekreasi di Genting Highlands, Bentong, Pahang dengan kes indeks bergejala dan sebanyak 31 kes dalam kluster ini," jelasnya.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 3,306 |
| **Import: 7 Tempatan: 3,299** | |
| Pulih | 2,293 |
| Kematian | 4 |
| Masih dirawat | 38,791 |
| Jumlah kes sembuh | 122,344 |
| Jumlah Kematian | 605 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **161,740** |